

**LAWATAN KE SABAH TIMES ...**  
Rombongan dari Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) merakam kenangan sewaktu berkunjung ke pejabat New Sabah Times, kelmarin.

Turut kelihatan Pengarah Urusan News Sabah Times, Anthony Wong (tiga dari kanan), Ketua Pengarang New Sabah Times, Ch'ng Boon Heng (lima dari kanan) dan Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin, selaku ketua rombongan.

Rombongan yang disertai seramai 22 pegawai eksekutif UTHM dan kakitangan pentadbiran pejabat Naib Canselor UTHM itu telah mengadakan lawatan kerja di Kota Kinabalu selama tiga hari bermula dari 1 Mei sehingga hari ini. - Oleh BALQIS JAMALUDIN (balqis-@newsabahtimes.com.my)

